

LAPORKAN PENDAPATAN TAHUN TAKSIRAN 2021 SELEWAT-LEWATNYA PADA 15 MEI 2022 DAN ELAK PENALTI LEWAT KEMUKA BORANG NYATA CUKAI

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memberikan peringatan kepada semua pembayar cukai yang tidak menjalankan perniagaan agar segera melaporkan pendapatan mereka yang layak dikenakan cukai untuk Tahun Taksiran 2021 selewat-lewatnya pada 15 Mei 2022 melalui **e-Filing** bagi mengelakkan sebarang penalti lewat kemuka Borang Nyata Cukai dikenakan.
2. Tarikh akhir pengemukakan **Borang Nyata Cukai Tahun Taksiran 2021 (TT 2021)** bagi kategori **pembayar cukai yang tidak menjalankan perniagaan** ialah seperti yang berikut:

Jenis Borang	Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Akhir Pengemukaan Borang Nyata Cukai TT 2021	
		Manual	e-Filing
BE	Individu Pemastautin	30 April 2022 (telah tamat)	15 Mei 2022
BT	Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran)		
M	Individu Bukan Pemastautin		
MT	Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan)		
TF	Pertubuhan		
TP	Harta Pusaka		
TJ	Keluarga Sekutu Hindu		

3. Sebagai panduan berkenaan pengemukaan Borang Nyata Cukai ini, pembayar cukai boleh merujuk kepada Program Memfail Borang Nyata bagi tahun 2022 yang boleh diakses dan dimuat turun menerusi pautan yang berikut:
- Bahasa Melayu:
https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2022_1.pdf
 - Bahasa Inggeris:
https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2022_2.pdf
4. Sebagai makluman, sehingga **30 April 2022**, lebih 2.58 juta Borang Nyata Cukai Tahun Taksiran 2021 telah diterima daripada kategori pembayar cukai yang tidak menjalankan perniagaan. Daripada angka ini, sekitar 2.48 juta atau lebih 96%

Borang Nyata Cukai diterima melalui kaedah e-Filing manakala selebihnya secara manual atau Borang Kertas.

5. Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkara ini boleh dikemukakan kepada HASiL melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Customer Care Officer: 019-651 1100

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 11 Mei 2022